



## **KENYATAAN MEDIA**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR**

### **PEMAKLUMAN MENGENAI KEJADIAN RIBUT YANG TELAH MENYEBABKAN KEROSAKAN DI KLINIK KESIHATAN SIJANGKANG, KUALA LANGAT, SELANGOR**

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor ingin memaklumkan bahawa satu kejadian ribut telah berlaku pada 25 April 2026, sekitar jam 4:15 petang, yang telah mengakibatkan kerosakan pada bumbung Unit Pesakit Luar Klinik Kesihatan Sijangkang. Insiden tersebut menyebabkan kemasukan air hujan ke dalam premis klinik.

Tiada kecederaan dilaporkan melibatkan anggota kesihatan mahupun orang awam. Tindakan segera telah diambil termasuk menghubungi Tenaga Nasional Berhad bagi pemulihan bekalan elektrik serta pelantikan kontraktor untuk kerja-kerja pembaikan. Penilaian lanjut terhadap keseluruhan struktur bangunan akan dilaksanakan oleh pihak Jurutera Daerah dalam masa terdekat.

Bagi memastikan keselamatan dan kelangsungan perkhidmatan, Klinik Kesihatan Sijangkang ditutup sementara untuk tujuan pembaikan dan perkhidmatan perawatan pesakit akan dipindahkan secara sementara ke Klinik Kesihatan berhampiran, iaitu ke Klinik Kesihatan Kebun Baru, Klinik Kesihatan Teluk Panglima Garang dan Klinik Desa Sijangkang Luar.

Orang awam telah dimaklumkan melalui pelbagai saluran termasuk pesanan ringkas kepada pesakit yang mempunyai temu janji, media sosial rasmi, hebahan komuniti serta notis di premis klinik. Perkembangan lanjut akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR  
25 APRIL 2026**